

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 17/ 9/ 2008

MT bincang permohonan Dr. M esok

um-17/9/2008

SHAH ALAM 16 Sept. - Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO Khamis ini mungkin akan turut menyentuh permohonan kemasukan semula bekas Presiden parti, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib tidak menolak kemungkinan soal Dr. Mahathir akan disentuh walaupun sehingga kini UMNO belum membincangkan perkara itu.

"Mungkin juga pasal Tun, biasanya banyak perkara dibincang kerana Presiden selaku pengerusi MT membenarkan semua orang bercakap dan banyak perkara disentuh untuk kebaikan bersama," katanya.

Muhammad yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan sumbangan kuih sempena Aidilfitri kepada anggota pasukan beruniform anjuran Pergerakan Wanita UMNO Selangor di sini hari ini.

Kelmarin, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor berkata, Ibu Pejabat UMNO belum menerima surat permohonan bekas Perdana Menteri itu untuk kembali semula ke pangkuan UMNO walaupun perkara itu telah dihebohkan.

Bagaimanapun menurut Tengku Adnan, Dr. Mahathir tidak perlu mengisi sebarang borang dan hanya memadai membuat surat permohonan menyertai semula UMNO untuk dibawa ke MT bagi proses kelulusan.

Mei lalu, Dr. Mahathir membuat kejutatan apabila mengumumkan keluar daripada UMNO.

Bagaimanapun pada 6 September lalu, Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhyiddin Yassin menyatakan bahawa Dr. Mahathir bersedia menyertai semula UMNO.